

Najib kemuka bukti baharu

UM - 3/12/2021 mlk:8

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Beberapa hari sebelum Mahkamah Rayuan di sini membuat keputusan atas rayuannya berhubung hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta atas kesalahan penyelewengan dana SRC International Sdn. Bhd., bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memohon agar mahkamah itu menerima masuk bukti baharu.

Bukti baharu itu antaranya membabitkan penglibatan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar yang dikatakan bersekongkol dengan Jho Low atau Low Taek Jho bagi memudahkan ahli perniagaan dalam buruan itu untuk menyeleweng dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan anak syarikatnya SRC International.

Notis usul dan affidavit sokongan untuk memasukkan bukti atau keterangan baharu itu difailkan di Mahkamah Rayuan melalui firma guaman, Tetuan Shafee & Co. semalam.

Najib dalam affidavit sokongannya menyatakan, beliau memfailkan notis usul itu tanpa langkah selepas mendapati keterangan-keterangan berkaitan penglibatan Zeti dan ahli keluarganya tidak dimaklumkan atau



PEGUAM bela Najib, Tan Sri Mohamed Shafee Abdullah dalam sidang akhbar mengenai perkembangan terbaharu kes SRC International di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH

didedahkan kepada pasukan pembelaannya sebelum atau sepanjang perbicaraannya.

Jelasnya, beliau hanya mengetahui mengenai perkara tersebut selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengeluarkan kenyataan bahawa Singapura telah memulangkan AS\$15.4 juta yang berkaitan akaun Cutting-Edge Industries Ltd. yang antaranya dipunyai suami Zeti, Tawfiq Ayman.

Selain itu, Najib turut mendakwa, keluarga Zeti telah menerima RM65 juta daripada Jho Low hasil

penyelewengan dana 1MDB.

Najib turut memohon mahkamah mendapatkan keterangan lisan viva (viva voce) daripada bekas Ketua Pengarah SPRM, Datuk Seri Azam Baki, pegawai penyiasat SPRM, Rosli Hussein dan keterangan saksi lain atau apa-apa keterangan tambahan lanjut berkaitan dengan dakwaan penglibatan Zeti dan keluarganya.

Rosli merupakan saksi pendakwaan ke-57 dalam perbicaraan kes penyelewengan dana SRC International itu manakala

Azam tidak pernah dipanggil memberi keterangan sama ada sebagai saksi pendakwaan mahupun pembelaan.

Selain itu, Najib dalam affidavit sokongannya menyatakan, keterangan baharu itu perlu dimajukan secara lisan dan oleh itu, prosiding pendengaran rayuan yang telah tamat pada 15 Mei lalu perlu 'dimulakan semula' bagi membolehkan keterangan-keterangan baharu itu dimasukkan dalam rekod rayuan untuk pertimbangan panel hakim sebelum sebarang keputusan dibuat.

Katanya, keterangan-keterangan baharu itu sekiranya tidak 'disorok' oleh BNM, SPRM dan juga pendakwaan, ia boleh menyebabkan keputusan Mahkamah Tinggi berpihak kepadanya dan mampu menimbulkan keraguan munasabah dalam kes SRC International.

Dakwa Najib, keterangan-keterangan yang dicadangkan tidak didedahkan kepadanya telah menjejaskan hak beliau untuk mendapatkan perbicaraan yang adil atas sebab-sebab politik.

Sekiranya notis usul itu diterima, maka keputusan Mahkamah Rayuan atas sabitan salah dan hukuman penjara serta denda yang dijadualkan dibuat Rabu depan (8 Disember) perlu ditangguhkan.